

Penjawat awam kerja dari rumah bakal direalisasikan



Ali Hamsa (tengah) bersama penjawat awam selepas Sesi Dialog TN50 Bersama Penjawat Awam di Dewan Jubli Perak, Kuantan, semalam. UTUSAN/MAHATHIR ALI

KUANTAN 17 Ogos - Bekerja dari rumah dalam kalangan penjawat awam di negara ini bakal menjadi kenyataan menjelang tahun 2050.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, seiring dengan pelan Transformasi Nasional 2050 (TN50), kemungkinan struktur perkhidmatan awam juga berubah sama ada bekerja di rumah atau pejabat.

“Bekerja dari rumah boleh dilaksanakan oleh beberapa sektor pekerjaan dan akan menjadi realiti seperti mana yang diminta oleh golongan wanita.

“Saya yakin bila tiba masanya bukan sahaja wanita, malah kedua-duanya pun boleh (bekerja dari rumah),” katanya dalam sidang akhbar selepas Sesi Dialog TN50 Bersama Penjawat Awam di Dewan Jubli Perak di sini hari ini.

Yang turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail yang bertindak sebagai moderator dalam dialog berkenaan.

Seramai 2,500 penjawat awam seluruh negeri ini hadir pada majlis tersebut yang pertama kali dianjurkan di Semenanjung.

Sementara itu, beliau memberitahu, aspirasi berbentuk futuristik yang disampaikan oleh penjawat awam muda dilihat membantu menyediakan pelan TN50 yang lebih jitu.

Menurut beliau, futuristik yang dimaksudkan ialah perubahan dalam pelbagai aspek yang mereka ingin lihat serta dinikmati generasi pelapis akan datang.

“Antaranya idea yang tertumpu kepada penambahbaikan pendidikan bermula di peringkat taman asuhan kanak-kanak (taska), sekolah dan universiti, fasiliti perubatan dan kesihatan serta keperluan bekerjasama dalam membantu pelajar daripada keluarga miskin,” katanya.

Jelasnya, idea-idea dan saranan sepanjang sesi dialog ini akan diklusterkan untuk mengeluarkan dokumen TN50.

“Kita ingin lihat 1.6 juta penjawat awam di negara ini lebih mantap dari segi sumbangan produktiviti serta terus menjadi tulang belakang kerajaan dalam memberi khidmat terbaik kepada rakyat,” katanya.

Artikel Penuh: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/penjawat-awam-kerja-dari-rumah-bakal-direalisasikan-1.516151#ixzz4qLO80RKs>

© Utusan Melayu (M) Bhd